



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

LEBIH 215,000 PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) PEROLEH MANFAAT PENGECUALIAN AUDIT SSM

Kefungsian utama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai badan berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) adalah sebagai sebuah agensi pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan.

Dalam melaksanakan fungsi mengawal selia pematuhan perundangan korporat dan perniagaan, SSM juga memainkan peranan dalam agenda memacu ekonomi domestik termasuk perkembangan positif entiti korporat dan perniagaan.

Antara fokus utama yang digerakkan adalah untuk mewujudkan ekosistem korporat dan perniagaan yang kondusif termasuk elemen *ease of doing business*. Sejarar dengan matlamat tersebut, pendekatan terbaru yang diperkenalkan oleh SSM adalah untuk meningkatkan nilai ambang pengecualian audit penyata kewangan melalui pewartaan kriteria baharu kelayakan pengecualian.

Inisiatif Baharu ini dilaksanakan melalui Arahan Amalan Bil. 10/2024 bertajuk *Qualifying Criteria For Audit Exemption For Certain Private Companies In Malaysia* bagi syarikat persendirian. Kriteria baharu ini telah berkuatkuasa bagi tahun kewangan bermula 1 Januari 2025.

Pelaksanaan kriteria baharu ini selaras dengan komitmen SSM untuk untuk mengurangkan beban dan kos pematuhan yang dihadapi oleh syarikat persendirian terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Sehubungan itu, syarikat persendirian yang ingin mendapatkan pengecualian

audit kewangan perlu memenuhi mana-mana dua daripada tiga kriteria yang ditetapkan:

- Perolehan tahunan syarikat tidak melebihi RM3,000,000 dalam tahun kewangan semasa dan dua tahun kewangan terdahulu.
- Jumlah aset syarikat dalam tahun kewangan semasa dan dua tahun kewangan terdahulu tidak boleh melebihi RM3,000,000.
- Bilangan pekerja pada akhir tahun kewangan semasa dan dua tahun kewangan sebelumnya tidak melebihi 30 orang.

Syarikat juga layak mendapat pengecualian audit sekiranya berstatus dorman sejak penubuhan atau dorman pada tempoh semasa dan satu tahun kewangan terdahulu.

Bagi memastikan kelancaran dan ketersediaan semua pihak dalam menghadapi perubahan kelayakan, kenaikan nilai ambang akan dilaksanakan secara berperingkat melalui 3 fasa pelaksanaan dalam tempoh tiga tahun bermula 2025 hingga 2027.

Sebanyak 215,008 syarikat persendirian yang aktif dalam rekod SSM berpeluang untuk memanfaatkan inisiatif ini yang sekali gus membantu entiti perniagaan yang berkelayakan dalam kalangan usahawan muda termasuk yang baharu beroperasi dan didaftarkan.

Adalah diharapkan inisiatif ini juga dapat menggalakkan pertumbuhan dan pertambahan pendaftaran entiti syarikat dan perniagaan dalam kalangan usahawan belia termasuk golongan mahasiswa.

Setakat 31 Disember 2024, berdasarkan kepada rekod SSM, pendaftaran entiti syarikat dan perniagaan dalam kalangan belia adalah seperti berikut :

BIL	KATEGORI	JUMLAH (ORANG)
1.	Pengarah (ROC)	246,463
2.	Pemegang Saham (Syarikat-ROC)	258,474
3.	Pemilik Perniagaan (ROB)	792,794
4.	Pekongsi dalam Entiti Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)	40,855

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Shah Alam
16 Januari 2025

###